



**KHAIRY JAMALUDDIN ABU BAKAR** (depan dua kanan) melihat sekumpulan remaja berlatih untuk acara Hari Belia Negara 2016 di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFOF

## UPM dipilih lokasi sambutan Hari Belia Negara 2016

**PUTRAJAYA 26 April** - Penganjuran Hari Belia Negara 2016 pada 15 Mei ini bakal menampilkan kelainan apabila Kementerian Belia dan Sukan memilih Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai lokasi baharu penganjuran acara tahunan itu.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin berkata, pemindahan lokasi penganjuran itu dibuat atas beberapa faktor termasuk penjimatan kos, namun kemeriahannya tetap sama dengan edisi-edisi terdahulu yang dianjurkan di Putrajaya.

Beliau berkata, objektif utama penganjuran Hari Belia Negara 2016 yang bertemakan *The Future Is Now* itu adalah untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada golongan belia atas sumbangan mereka kepada pembangunan negara.

"Tahun ini, pembabitan golongan mahasiswa menjadi fokus utama bagi menarik penyertaan mereka dalam pertubuhan belia selari dengan Dasar Belia Malaysia 2018 yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada Hari Belia Negara tahun lalu.

"Kali ini kita tampilkan pelbagai acara menarik sempena sambutan tersebut," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan majlis prapelanjaran Hari Belia Negara 2016 di sini hari ini.

Yang hadir sama timbalannya, Datuk M. Saravanan, Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Lokman Hakim Ali dan Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris.

Menurut Khairy, bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Belia Negara 2016 dan melihat lebih ramai golongan belia di seluruh pelosok negara hadir, sebanyak 140 aktiviti akan dianjurkan pada program yang berlangsung selama enam hari bermula 9 Mei ini.

"Acara kemuncak akan berlangsung pada 15 Mei di UPM, sebanyak 20 aktiviti akan berlangsung sepanjang hari dan saya yakin pasti akan memberi manfaat dan pengalaman yang berbeza buat semua belia serta mahasiswa yang hadir.

"Terdapat enam segmen utama sempena sambutan Hari Belia Negara 2016 iaitu Konvensyen Belia Negara, Anugerah Perdana Belia Negara, Warna-Warni Belia, Jelajah

Kampus, Showcase of Talent dan Gov.my Mobile," katanya.

Sementara itu, katanya, pada edisi kali ini terdapat lima kategori Anugerah Perdana Belia Negara ditawarkan iaitu Anugerah Perdana Belia Negara (Pertubuhan Belia), Anugerah Perdana Belia Negara (Lelaki), Anugerah Perdana Belia Negara (Wanita), Anugerah Emas Remaja Perdana dan Anugerah Khas.

Dalam pada itu katanya, kos sebenar penganjuran sambutan Hari Belia Negara 2016 masih belum dimuktamadkan dan beliau berharap penganjuran 140 aktiviti secara keseluruhannya mampu menarik penglibatan sejuta belia di seluruh negara.

"Penganjuran edisi terdahulu di Putrajaya memerlukan peruntukan yang banyak dan tahun ini setiap kementerian diminta untuk mengurangkan penganjuran aktiviti yang besar, jadi kita memilih UPM untuk penganjuran kali ini

"Sekiranya di Putrajaya kita memerlukan peruntukan yang secukupnya, oleh itu adalah lebih baik kita anjurkan di lokasi yang sesuai dengan bajet kita," katanya.